

Tentera Malaysia cuma ke Iraq jika dikendalikan PBB — PM

UM 27 SEP 2003

Daripada AZIZ ISHAK

NEW YORK 26 Sept. — Malaysia tidak akan menyertai pasukan tentera pelbagai negara di Iraq yang diinisiatifkan oleh mana-mana negara melainkan jika ia dikendalikan di bawah operasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pendirian Malaysia mengenai perkara itu cukup jelas kerana ti-

dak mahu membelakangkan PBB sebagai institusi yang sepatutnya memainkan peranan di Iraq.

“Kita tidak akan menghantar trup tentera (ke Iraq) dalam operasi yang tidak melibatkan PBB sepenuhnya,” kata beliau pada sidang akhbar di ibu pejabat PBB di sini semalam.

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika menjawab pertanyaan seorang wartawan tentang kemungkinan Malaysia yang aktif

dalam misi pengaman antarabangsa selama ini akan menghantar tentera ke Iraq.

Amerika Syarikat (AS) sedang menggerakkan usaha untuk menarik komitmen banyak negara bagi menyertai misi di Iraq yang kini menyaksikan keadaan keselamatan yang tegang dengan hampir setiap hari berlaku serangan ke atas sasaran AS.

Beberapa negara seperti Pakistan, India, Korea Selatan dan Turki yang telah diminta

■ Lihat muka 4

Tentera Malaysia cuma ke Iraq jika dikendalikan PBB — PM

menghantar pasukan tentera masih belum menyatakan maklum balas yang mukhtamad.

Korea Selatan misalnya menunggu hingga bulan depan untuk membuat keputusan sementara Turki yang diharapkan menghantar seramai 10,000 tentera hanya setakat ini bersedia menugaskan beberapa ribu orang sahaja.

Selain bantuan ketenteraan bagi memu-

lihkan keamanan di Iraq, AS mengharapkan bantuan kewangan sebanyak AS\$87 bilion bagi kos operasi di Iraq dan Afghanistan.

Mengenai perkembangan di Iraq, Dr. Mahathir berkata, apa yang berlaku sekarang menunjukkan kuasa besar tidak boleh mudah campur tangan terhadap urusan dalam negara lain dan cuba bertindak untuk melaksanakan demokrasi secara serta merta.

Katanya, selama ini di bawah kepimpinan Saddam Hussein walaupun tidak disenangi oleh banyak pihak di luar tetapi ia setidaknya membuktikan wujudnya kestabilan dan rakyat hidup lebih baik berbanding sekarang.

“Eropah sendiri memerlukan 200 tahun untuk melaksanakan demokrasi itupun secara perlahan-lahan. Maknanya, ia memerlukan masa dan penyesuaian,” katanya sambil mengingatkan bahawa di negara yang telah lama mengamalkan demokrasi juga berlaku anarki.

Ditanya tentang kelemahan umat Islam dalam menangani cabaran masa kini yang kian hebat, Perdana Menteri berkata, walaupun jumlah umat Islam besar tetapi menjadi lemah kerana berpecah belah sama ada di kalangan negara, fahaman mahupun puak.

“Kalau berpolitik pula, mereka berpecah lagi jauh. Kelemahan umat Islam adalah kerana kegagalan untuk bersatu. Itulah yang mencacatkan umat Islam sekarang,” katanya.

Menurut beliau, negara-negara Islam juga mempunyai banyak aset yang boleh digunakan jika mahu dalam menjaga kepentingan dan melindungi umat Islam tetapi mereka tidak berbuat demikian.

“Selagi tidak mencapai perpaduan, selagi itulah umat Islam akan terus lemah, ditindas dan tidak mampu berbuat apa-apa,” katanya.

Malah, katanya, umat Islam mempunyai organisasi seperti Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang boleh dimanfaatkan jika mereka bersatu sepenuhnya.

“Jika kita dapat bersatu walaupun dalam satu dua isu penting, ia sudah cukup memberi kesan dan pengaruh besar kepada kepentingan umat Islam.” ujarnya.